



22 APR, 2024

## ENEGEM PACU PERTUMBUHAN INDUSTRI TENAGA BOLEH BAHARU

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

# ENEGEM PACU PERTUMBUHAN INDUSTRI TENAGA BOLEH BAHARU

Oleh HENDRA WINARNO  
hendra.winarno@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Penubuhan Energy Exchange Malaysia (ENEGEM) disifatkan sebagai satu perkembangan positif yang memacu pertumbuhan kapasiti untuk industri tenaga boleh baharu (RE), sekali gus menjadi sumber pendapatan baharu.

Maybank Investment Bank Research (Maybank IB) berkata, ENEGEM mampu menjadi pemacu bagi pertumbuhan yang baharu.

"Kami perhatikan eksport RE berpotensi menjadi pemacu pertumbuhan kapasiti bagi industri RE Malaysia yang bergantung pada skim LSS dalam negara dan Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) dan sumber pendapatan baru," katanya dalam nota penyelidikan.

Jelas firma itu, pemain Kontrak Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahahan (EPCC) solar tempatan seperti Solarvest (SOLAR MK, BELI, CP: MYR1.60, TP: MYR1.76), Cypark (CYP MK, TAHAN, CP: MYR0.99, TP: MYR0.86), Sunview (SUNVIEW, CP: MYR0.64, N.R.), Pekat (PEKAT MK, CP: MYR0.49, N.R.), dan Samaiden (SAMAIDEN MK, CP: MYR1.37,



**EKSPORT tenaga boleh baharu (RE) berpotensi menjadi pemacu pertumbuhan kapasiti bagi industri RE negara. - GAMBAR HIASAN**

N.R.) akan mendapat manfaat daripada aliran kerja yang meningkat dari pertumbuhan kapasiti RE.

Sementara itu, katanya, syarikat utiliti utama seperti Tenaga Nasional (TNB MK, TAHAN, CP: MYR11.60, TP: MYR11.00) dan YTL Power (YTL MK, TAHAN, CP: MYR3.91, TP: MYR4.00) juga boleh mendapat manfaat daripada eksport RE melalui jualan RE dan caj pusingan.

"Secara keseluruhan, kami

tetap positif terhadap sektor RE, di mana penambahbaikan buku pesanan EPCC akan berlaku dari kedua-dua 800MW CGPP dan kira-kira 2GW projek LSS5," ujarnya.

Dalam pada itu, MIDF Research berpandangan untuk mengekalkan panggilan neutralnya pada utiliti berdasarkan prestasi harga saham yang kukuh dan penilaian yang terbentang.

"Bagaimanapun, kami masih

menyukai subsektor EPCC RE iaitu Samaiden (BELI, TP: 1.62), Pekat (BELI, TP: RM0.68), Sunview (BELI, TP: RM0.88) sebagai penerima manfaat utama dalam jangka masa terdekat dari inisiatif RE Malaysia.

"Dalam ruang pemilik aset, kami masih menyukai YTL Power (BELI, TP: RM4.22) untuk pemulihan pendapatan yang berpotensi di Wessex Water, pengembangan ke pusat data, dan sebagai penerima manfaat

potensi LSS5 dan eksport RE," katanya.

Firma itu menambah, sejauh mana Tenaga (NEUTRAL, TP: RM11) mendapat manfaat daripada keperluan peningkatan grid dalam jangka sederhana bergantung kepada belanjawan modal yang diluluskan untuk Rancangan Pembangunan Keempat (RP4) serta pulangan yang dibenarkan yang akan ditentukan menjelang hujung tahun 2024.

Katanya, ENEGEM akan berperanan sebagai agregator.

"Pembeli Tunggal (SB) sebagai pengendali ENEGEM akan menjadi badan utama mengumpulkan bekalan RE dari Malaysia dan menguruskan eksport tenaga kepada pembeli di Singapura," katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, loji RE tempatan dijangka akan memasuki PPA dengan SB untuk bekalan tenaga untuk eksport RE berdasarkan butiran dalam Panduan Terkini Penjualan Elektrik Merentasi Semipadan (CBES).

"Kapasiti eksport pilot 100MW adalah kecil tetapi dalam jangka masa panjang, kami perhatikan bahawa Singapura ingin mengimport sehingga 3.5GW tenaga elektrik hijau menjelang 2035," katanya.